

SUKIPT 2012:

Taekwondo raih 2-1-1 di hari pertama

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**

vbingkasan@yahoo.com

UB 30.10.2012 A16

KOTA KINABALU: Skuad taekwondo raih dua pingat emas, satu perak dan satu gangsa buat Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada hari pertama edisi sulung Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Malaysia 2012.

Raymond Toh Meng Hui (*gambar*) meraih pingat emas pertama UMS dan kejohanan dalam acara Poomsae lelaki dengan menumpaskan atlet kebangsaan Too Lap Weng yang mewakili Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Acara taekwondo yang berlangsung di Dewan Tertutup Nilai, Negeri Sembilan menyaksikan UMS menambah satu pingat emas lagi menerusi gandingan Raymond, Yeo Kok Siong dan Fakrurazi Razali dalam acara Poomsae berpasukan lelaki.


Mereka mengetepikan cabaran 15 pasukan lain.

Sebelum itu gandingan Fakrurazi dan Melda Dahalan merangkul pingat perak dalam acara Poomsae campuran manakala Melda menyumbang satu pingat gangsa dalam acara Poomsae individu wanita.

"Ia merupakan permulaan yang baik buat UMS. Apa yang telah dicapai setakat ini memang bertepatan dengan usaha kami dan menepati status UMS sebagai Pusat Tumpuan Sukan (PST) Taekwondo di bawah program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Atlet kita terutamanya Raymond baru berjinak dengan acara Poomsae pada awal tahun ini di mana sebelum ini beliau merupakan atlet Kyorugi (*sparing*). Perkembangan prestasi mereka amat membanggakan dan ini dibuktikan dengan pencapaian hari ini (*kelmarin*).

"Saya percaya perancangan kami dalam membangunkan sukan taekwondo berada di landasan yang baik termasuk melantik seorang jurulatih dari Korea pada awal tahun ini," kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah ketika memberitahu perkara tersebut *kelmarin*.



Menurutnya, UMS diwakili empat atlet Poomsae dan empat atlet Kyorugi taekwondo pada kejohanan tersebut.

Keseluruhannya, UMS diwakili 87 atlet dan mengambil bahagian dalam 12 dari 15 acara sukan yang dipertandingkan iaitu taekwondo, bola sepak, bola tampar dewan, bola tampar pantai, badminton, tenis, olahraga, renang, memanah, catur, takraw dan karate.

Tiga sukan lain yang tidak disertai UMS adalah menembak, ragbi dan boling.

Hanya acara taekwondo menawarkan pingat *kelmarin* dan pencapaian skuad UMS meletakkan mereka selaku pendahulu carta pungutan pingat.

Kejohanan tersebut disertai 101 kontinjen meliputi 20 IPT awam, 46 IPT swasta, 25 politeknik dan 10 kolej komuniti melibatkan 5,000 atlet dan 1,125 pegawai.

Kejohanan yang akan berlangsung sehingga 11 November tersebut menawarkan 165 pingat emas, 165 pingat perak dan 208 gangsa.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohmaed Khaled Nordin merasmikan kejohanan di Stadium Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor malam semalam.

Dikatakan bahawa kejohanan ini tucatatkan dalam Buku Rekod Malaysia sebagai kejohanan yang mendapat penyertaan terbesar dari segi bilangan kontinjen, pasukan dan peserta.

Kejohanan tersebut juga dikatakan akan menawarkan biasiswa sukan selain dinilai bagi diberi peluang mewakili kontinjen Universiti Malaysia ke Sukan Universiti Asean di Laos pada Disember ini.